



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Sinar Harian
Date	8/5/2013

# 'Tsunami Cina tak wujud'

Sinar Harian - 8/5/2013

*PR Kluang sangkal dakwaan banyak pihak, pengundi kini semakin matang*

JULIZA MOHD SAAD

**KLUANG** - Pakatan Rakyat (PR) Parlimen Kluang menyangkal dakwaan banyak pihak yang mengaitkan keputusan Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13) adalah kebangkitan tsunami dalam kalangan masyarakat Cina berikutan kemerosotan pengundi kaum itu yang menyokong Barisan Nasional (BN).

Ahli Parlimen Kluang, Liew Chin Tong berkata, keadaan itu kononnya menyebabkan BN kekurangan kerusi malah menolak kenyataan yang dikeluarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak disebabkan 'tsunami Cina'.

"Isu tsunami pengundi Cina tidak wujud dan perdana menteri mengatakan

**“Isu yang ditimbulkan tidak relevan dan saya percaya Perdana Menteri tidak akan biar perkara yang berlaku ini begitu sahaja dan akan mengadakan PRU14 dengan cepat.”**

**Chin Tong**

bahawa seluruh negara mengalami tsunami kerana masyarakat Cina ramai yang tidak mengundi BN.

"Saya percaya tsunami yang berlaku adalah disebabkan pada pilihan raya ini, ramai pengundi kali pertama atau pengundi baru yang mana pengundi-pengundi ini bukan



Dari kanan, Tan Hong Pin, Chin Tong dan Khairul Faizi pada sidang media, semalam.

hanya dari satu bangsa sahaja tetapi pelbagai bangsa.

"Tsunami yang berlaku ini turut dirasai di Kluang. Kemenangan saya di Kluang

adalah disebabkan ramai pengundi yang menyokong saya tanpa mengira kaum dan bukan hanya dari pengundi Cina," katanya pada sidang

media di Railway Cafe, di sini, semalam.

Hadir sama, bekas calon DAP Dun Mengkibol, Tan Hong Ping merangkap Adun

Mengkibol dan bekas calon Pas Dun Mahkota, Khairul Faizi Ahmad Kamil.

Dalam pada itu Chin Tong berkata, keputusan PRU13 menggambarkan suara rakyat Malaysia yang matang terutama generasi baru.

Katanya, pengundi muda sudah bijak memilih pemimpin dan situasi sama berlaku di Kluang kerana masyarakat menerima kewujudan PR.

"Isu ditimbulkan tidak relevan dan saya percaya perdana menteri tidak akan biar perkara yang berlaku ini begitu sahaja dan akan mengadakan PRU14 dengan cepat.

"Saya percaya dua hingga tiga tahun lagi PRU14 akan diadakan berikutan mahu mengembalikan semula kedudukan BN," katanya.